

Anak penoreh getah terajui ibu kota Kuala Lumpur

MENYOROT titik permulaannya berkecimpung dalam kerja ketika ini, wanita yang mempunyai seorang cucu ini memberitahu, minatnya dalam perancangan bandar memang sudah ada sejak kecil lagi.

"Minat mendalam saya dalam perancangan bandar dan pembangunan mampan mendorong saya menceburi bidang ini.


"Sebelum dilantik sebagai Datuk Bandar KL pada 15 Ogos 2024, saya pernah berkhidmat sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai.

"Selain itu, saya juga pernah menjadi Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

"Pengalaman selama hampir empat dekad dalam perancangan bandar dan pembangunan komuniti telah mempersiap saya untuk menggalas amanah mengemudi DBKL ini," ujarnya.

Beritahu anak kedua daripada enam beradik ini, mereka dibesarkan hasil titik peluh kedua-dua ibu bapa mereka yang merupakan pasangan penoreh getah berasal dari sebuah kampung di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Kehidupan mereka ketika itu memang susah dan bertitik tolak dari situlah dia menanam cita-cita dan impian untuk berjaya



Rencana Utama

Oleh
SAIRUL ZAMRI MISRANI

sekali gus membantu mengubah nasib keluarga.

"Habis Sijil Pelajaran Malaysia, saya ditawarkan tajaan daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi melanjutkan pelajaran di University of Wales Institute of Science and Technology, United Kingdom.

"Di sana, saya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam Pengajian Perancangan Bandar dan pulang ke tanah air pada tahun 1985 lalu memulakan tugas pertama sebagai pegawai perancang bandar di Majlis Bandaraya Pulau Pinang," katanya.

Hasil usaha dan komited serta tidak pernah jemu dengan kerja, pelbagai peingiktirafan pernah diterimanya meliputi dalam dan luar negara.

Maimunah menjadi wanita Asia pertama diangkat sebagai Pengarah Eksekutif United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat) yang berpusat di Nairobi, Kenya selama enam tahun sejak 2018.

Tidak setakat itu, peminat baju kurung pesak yang telah menjahit lebih 100 pasang

MAIMUNAH meninjau permasalahan sekitar ibu kota, Kuala Lumpur baru-baru ini.



WANITA yang mementi baju kurung pesak ini meraiikan pencapaian 100 harinya sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur November lalu.



kurung ketika berkhidmat di Nairobi ini pernah diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Bersama Secretary-General's Task Force on the Future Cities dan Pengerusi Bersama Local 2030 Coalition.

Dia juga pernah dilantik sebagai Ambassador of His Majesty King Charles III (King's Foundation) dalam perbandaran mampan di negara-negara Komanwel.

Selain tugas sebagai Datuk Bandar, Maimunah juga kini merupakan Penasihat kepada International Council for Local Environment Initiative (ICLEI).

Jasa dan sumbangan dalam perancangan bandar membuatkan peminat masakan tradisional dan lauk-pauk kampung Negeri Sembilan ini menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Antaranya sebagai Tokoh Perancang Bandar Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Ahli Kehormat Royal Town Planner's Institute, United Kingdom dan Felo Kehormat, United Cities of Local Government (UCLG).

Terbaharu, Maimunah menerima Anugerah Kepimpinan PRCA 2024 oleh Public Relation & Communication Association of Malaysia (PRCA Malaysia) sempena Malaysia Public Relation Award (MPRA) 2024 yang mengiktiraf kepimpinan cemerlang serta sumbangan signifikan dalam perancangan bandar, pembangunan mampan dan peranannya sebagai



MAIMUNAH bergambar kenangan bersama ahli UN-Habitat di Nairobi, Kenya.

pemimpin bandar raya Kuala Lumpur.

Diaju mengenal visi dan perancangannya bagi tahun 2025, pemegang Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Bandar) di Universiti Sains Malaysia serta Ijazah Kehormat Kedoktoran Alam Bina dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini ada fokus tersendiri.

Bagi 2025, Maimunah dan pasukannya komited akan meneruskan 15 Program Perdana dibahagikan kepada lima fokus utama iaitu pembangunan berasaskan pelan, komuniti inklusif, bandar hijau dan lestari, komunikasi serta tadbir urus.

"Paling saya fokus dan mahukan dalam konteks Kuala Lumpur itu sendiri adalah penghijauan bandar, tenaga boleh diperbaharui, Kuala Lumpur ke arah sifar sisa dan mewujudkan daerah kreatif dan kebudayaan.

"Tahun depan kita jadi pengerusi ASEAN, sejajar dengan itu saya mahukan negara yang bersih, hijau dan lestari menerusi kempen kebersihan yang bakal kami laksanakan nanti.

"Justeru, jika kita cintai negara, bantulah saya dan pasukan untuk capai serta realisasikan apa yang telah dirancang ini sekali gus menjadikan KL sebagai bandar raya terbaik pada 2025," katanya.

INFO

Datuk Seri Dr Maimunah Mohd. Sharif

- **Umur:** 63 tahun
- **Jawatan terkini:** Datuk Bandar Kuala Lumpur
- **Pencapaian/anugerah:** Wanita Asia pertama diangkat sebagai Pengarah Eksekutif United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat) di Nairobi; Pengerusi Bersama Secretary-General's Task Force on the Future Cities dan Pengerusi Bersama Local 2030 Coalition; Ambassador of His Majesty King Charles III (King's Foundation) dalam perbandaran mampan di negara-negara Komanwel; Penasihat kepada International Council for Local Environment Initiative (ICLEI); Tokoh Perancang Bandar Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Ahli Kehormat Royal Town Planner's Institute, United Kingdom; Felo Kehormat United Cities of Local Government (UCLG) dan Anugerah Kepimpinan PRCA 2024 oleh Public Relation & Communication Association of Malaysia (PRCA Malaysia)
- **Facebook:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



MAIMUNAH bersama suami dan dua anaknya.

MAIMUNAH mempunyai banyak jasa dan sumbangan dalam perancangan bandar.